

23/08/2001

Teks khutbah Jumaat seragam pada 31 Ogos

Mohd Hamizar Hamid

KUALA LUMPUR, Rabu - Seramai 6,000 khatib di seluruh tanah air termasuk di Kelantan dan Terengganu akan membacakan teks khutbah Jumaat yang seragam sempena sambutan Bulan Kemerdekaan, Jumaat ini.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, berkata usaha itu bagi mengingatkan umat Islam supaya mensyukuri kemewahan dan kesenangan yang dikecapi selama ini.

"Selepas mengadakan perbincangan dengan Majlis Perundingan Agama serta Majlis Agama Islam Negeri baru-baru ini, kementerian mendapat persetujuan semua pihak untuk bekerjasama dalam menjayakan program berkenaan.

"Sembahyang Jumaat di Masjid Negara itu akan dihadiri Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah; Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan semua menteri kabinet.

"Manakala bagi peringkat negeri, ia akan dilangsungkan di masjid negeri yang akan diketuai Sultan atau Yang di-Pertua Negeri masing-masing.

"Majlis tahlil dan doa selamat kemerdekaan akan turut diadakan sejurus selepas selesai sembahyang Jumaat, pada hari berkenaan," katanya.

Abdul Kadir berkata, bagi agama lain seperti Kristian, Buddha, Hindu, Sikh dan Tao akan turut menggunakan teks yang sama sebagai rujukan dan diterjemahkan dalam bahasa masing-masing supaya bersesuaian.

Sementara itu, bagi penganut fahaman Katholik, acara keagamaan bagi peringkat pusat akan diadakan di Gereja Katholik St John, Bukit Nanas manakala bagi penganut Protestan ia akan diadakan di Gereja St Mary, Jalan Gereja, di sini.

Bagi penganut agama Hindu, sembahyang khas bagi peringkat pusat akan diadakan di Kuil Sri Maha Mariaman, Jalan Bandar pada pagi, 31 Ogos manakala bagi penganut agama Sik, sembahyang khas peringkat pusat pada petang 30 Ogos akan diadakan di Kuil Gudwara Selayang dan Kuil Gudwara Sentul.

Sementara itu, penganut agama Buddha akan mengadakan sembahyang khas pada 25 Ogos di Kuil Vihara, Jalan Tun Sambanthan, Brickfields dan pengikut ajaran Tao akan mengadakan sembahyang khas mereka pada pagi 10 September di Sungai Buloh, Selangor.

Beliau berkata, Kelantan dan Terengganu akan turut sama menyediakan teks khutbah Jumaat kemerdekaan.

Acara keagamaan sempena Bulan Kemerdekaan itu diadakan khusus untuk menyemarakkan perayaan selain program utama lain iaitu Perayaan Ambang Merdeka, Acara Perbarisan dan Perarakan Kemerdekaan serta Majlis Penutup Bulan Kemerdekaan.

(END)